

SOALAN NO: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]
TARIKH : -
SOALAN : 35**

Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai sasaran untuk menurunkan kadar pengidap penyakit diabetes dalam negara serta apakah langkah Kementerian dalam mengurangkan kadar obesiti di kalangan kanak-kanak hingga dewasa.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM telah pun menerbitkan satu pelan strategik dalam menangani isu penyakit kronik di dalam negara iaitu Pelan Strategik Kebangsaan Untuk Penyakit Tidak Berjangkit 2016-2025 (atau dikenali sebagai *National Strategic Plan For Non Communicable Disease [NSP-NCD] 2016-2025*).

Di dalam pelan strategik ini, KKM telah menetapkan sasaran untuk menurunkan prevalen penghidap penyakit diabetes kepada $\leq 15\%$ pada tahun 2025 daripada prevalen 17.5% penyakit diabetes penduduk

Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas yang ada sekarang (menurut Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) yang terkini pada tahun 2015).

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam menangani masalah obesiti di kalangan rakyat Malaysia, dari umur kanak-kanak sehingga dewasa. Strategi dan aktiviti bagi menangani masalah ini telah digariskan dalam pelan-pelan tindakan yang dikeluarkan oleh KKM seperti Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (2016-2025), Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (2016-2025), Pelan Strategik Aktiviti Fizikal Kebangsaan (2016-2025). Beberapa langkah serta strategi bagi mengurangkan kadar obesiti ini adalah seperti:

- Memperkenalkan *Program My Body Fit and Fabulous (MyBFF) at School* yang memfokuskan kanak-kanak sekolah yang mempunyai masalah obesiti.
- Menjalankan pemantauan penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pemakanan Sihat di Sekolah.
- Melaksanakan Program Kafeteria Sihat yang menyediakan pilihan makanan dan minuman yang sihat dan mengutamakan cara penyediaan hidangan yang lebih sihat di institut pengajian tinggi dan tempat kerja.
- Mempromosikan Pinggan Sihat Malaysia melalui konsep "Suku-suku Separuh" yang memberi panduan terhadap porsi pengambilan makanan bagi setiap hidangan utama.

Selain itu, aktiviti yang berterusan dijalankan untuk mempromosikan pemakanan sihat melalui Pusat Maklumat Pemakanan, Dapur Sihat Masyarakat dan Promosi Pemakanan Sihat di Pasar Raya. Selain itu, komponen pemakanan sihat merupakan salah satu komponen utama dalam Program Komuniti Sihat, Perkasa Negara (KOSPEN) dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti KEMAS dan Rukun Tetangga.